



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62

18hb Jun 2009

No. 13

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

No. 868.

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH BERA

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Bera bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Bera pada hari Khamis, bertarikh 25 Jun 2009 jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindahmilik lesen bagi setengah tahun Kedua 2009 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dalam enam (6) salinan kepada Pengerusi Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Bera sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal berniaga minuman bagi tempoh tidak kurang enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

Bertarikh 4 Mei 2009
[PDB. 494/4 Klt. 7]

RIDZUAN BIN MOHAMAD
Timbalan Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Bera

No. 869.PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH MARAN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Maran bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Maran pada 29 Jun 2009 jam 9.30 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau pertukaran lesen-lesen bagi setengah tahun kedua 2009 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar sebanyak empat (4) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Maran sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal berniaga minuman dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

Bertarikh 14 Mei 2009

DATO' HAJJAH MARIAM BINTI ISMAIL
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Maran

No. 870.PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH RAUB

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Raub akan diadakan pada 24 Jun 2009 jam 3.00 petang di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindahterjemah lesen bagi setengah tahun kedua 2009 hendaklah dibuat dalam borang yang telah ditetapkan (dalam 4 salinan) dan dihantar kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Raub, d/a Pejabat Daerah dan Tanah Raub dan mesti sampai 15 Jun 2009.
3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri iaitu:
 - (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan

- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Raub.

Bertarikh 19 Mei 2009
[PDR. 13/18/0025 Jld. 23]

DATO' ABDULL MUAIN BIN ABDUL HAMID
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Raub

No. 871.

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977
(P.U. (A) 155/77)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH LIPIS

Notis adalah diberi bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Lipis bagi Minuman Yang Memabukkan akan diadakan di Pejabat Daerah Lipis pada hari Isnin bertarikh 6 Julai 2009 jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen atau penukaran lesen-lesen bagi setengah Tahun Ketiga dan Keempat 2009 akan dipertimbangkan.
3. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan 4 (empat) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais, d/a Pejabat Daerah Lipis, sekurang-kurangnya 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan. Salinan-salinan permohonan untuk lesen baru mestilah ditampal di bangunan perniagaan yang bakal berniaga minuman bagi tempoh tidak kurang 6 (enam) minggu sebelum diadakan mesyuarat.

Bertarikh 25 Mei 2009
[PDL. LES. 13. 1503]

DATO' ABU JAMAL BIN NORDIN
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah
Lipis

No. 872.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Saya telah mengaudit penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang

ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan di perenggan 2.1 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang dan Kumpulan pada 31 Disember 2006, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan yang telah disatukan dengan penyata kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

PUTRAJAYA
Bertarikh 22 Januari 2009

DATO' HAJI ANWARI BIN SURI
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penyelenggaraan Dokumen Perakaunan

(i) Pejabat Majlis di Pekan

Dokumen perakaunan Majlis seperti Buku Tunai dan Lejar Am tidak disediakan dengan menggunakan Sistem Perisian Perakaunan Berkomputer. Buku Tunai manual yang disediakan tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana hanya terdapat bahagian terimaan sahaja dan butiran baki awal juga tidak dicatatkan. Semakan harian terhadap Buku Tunai juga tidak dilakukan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Oleh itu, ketepatan urus niaga di Buku Tunai tidak dapat disahkan.

(ii) Pejabat Amanah Saham Wakaf di Kuantan

Buku Tunai tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini iaitu 28 resit rasmi Pejabat Saham Wakaf Pahang berjumlah RM5,210 dan 2 baucar bayaran berjumlah RM4,200 tidak direkodkan serta tidak disemak oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan dan Lejar Am juga tidak diselenggarakan. Kesan daripada perkara tersebut menyebabkan pendapatan wakaf berkurang nyata kerana amaun terimaan di Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan berbeza dengan amaun resit yang dikeluarkan berjumlah RM13,835.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 Prestasi Kewangan

Pada tahun 2006, kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan Majlis telah meningkat sejumlah RM10.18 juta atau 55.78% iaitu daripada RM18.23 juta pada tahun 2005 kepada RM28.41 juta pada tahun 2006. Punca utama peningkatan tersebut disebabkan oleh peningkatan kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan Akaun Zakat Dan Fitrah berjumlah RM5.65 juta iaitu meningkat daripada RM12.80 juta pada tahun 2005 kepada RM18.45 juta pada tahun 2006.

4. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang untuk meningkatkan lagi akauntabiliti awam.

PUTRAJAYA
Bertarikh 22 Januari 2009

DATO' HAJI ANWARI BIN SURI
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG
PEKAN, PAHANG

PENYATA YANG DIPERTUA DAN TIMBALAN YANG DIPERTUA

Kami, KDYTM Tengku Mahkota, Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah, DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu), DK (Johor), SPMJ. dan YDH Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan, SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP., yang merupakan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, Pekan dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis,

akaun-akaun adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, Pekan dan Kumpulan pada 31 Disember 2006 dan hasil kendaliannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

KDYTM TENGGU MAHKOTA
TENGGU ABDULLAH AL-HAJ
IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH
AL-MUSTA'IN BILLAH

*Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam dan Adat
Resam Melayu
Pahang*

Bagi pihak Majlis,

YDH ORANG KAYA INDERA
PAHLAWAN
DATO' SRI WAN HAJI ABDUL
WAHID BIN WAN HASSAN

*Timbalan Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam dan Adat
Resam Melayu
Pahang*

KUANTAN

Bertarikh 24 September 2008

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU
PAHANG

Saya, YDH Orang Kaya Indera Pahlawan, Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan, SSAP., SIMP., DSAP., SAP., JSM., AMP., pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang, Pekan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa akaun-akaun mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
YDH Orang Kaya Indera Pahlawan
Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid bin Wan Hassan
di Pekan dalam Negeri pada 24 September 2008

YDH ORANG KAYA INDERA
PAHLAWAN
DATO' SRI WAN HAJI ABDUL
WAHID BIN WAN HASSAN

Di hadapan saya,

MOHD SALLEH BIN ABDUL RAHIM
*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

LEMBARAN IMBANGAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
ASET SEMASA		
Wang Tunai dan baki di bank (Nota 3)	15,261,379	8,705,627
Penghutang perdagangan	823,837	328,219
Stok (Nota 4)	286,607	24,323
Simpanan tetap (Nota 5)	2,020,866	1,129,728
Akaun pelaburan (Al-Mudharabah) (Nota 6)	47,731,340	45,001,746
Pelaburan portfolio (Nota 7)	3,172,480	3,100,081
Pelbagai penghutang, pendahuluan dan deposit (Nota 8)	6,173,461	2,653,214
	<u>75,469,970</u>	<u>60,942,938</u>
TANGGUNGAN SEMASA		
Pemiutang perdagangan	519,239	122,116
Pelbagai pemiutang dan deposit (Nota 10)	5,932,462	5,110,817
Pemiutang sewabeli	—	44,762
Sumbangan kerajaan persekutuan (Nota 18)	7,126,337	7,126,337
	<u>13,578,038</u>	<u>12,404,032</u>
ASET BERSIH SEMASA		
PELABURAN (Nota 11)	61,891,932	48,538,906
PELABURAN SYARIKAT BERSEKUTU (Nota 13)	63,377,321	54,012,870
ASET TETAP (Nota 15)	10,728,333	11,974,914
PEMIUTANG SEWA BELI (Nota 16)	34,065,315	25,442,690
PINJAMAN BERJANGKA (Nota 17)	—	(34,186)
KEPENTINGAN MINORITI	(339,124)	—
	(561,988)	—
	<u>169,161,789</u>	<u>139,935,194</u>
DIBIAYAI OLEH		
DANA TERKUMPUL (Nota 19)	169,161,789	139,935,194

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbangan ini.

KUMPULAN WANG KHAIRAT AM

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
PENDAPATAN		
Dipindahkan daripada akaun zakat dan fitrah	18,451,524	12,797,338
Dipindahkan daripada akaun amanah	30,233	(188,142)
Dipindahkan daripada akaun tabung amanah saham wakaf Pahang	75,139	109,297
Dipindahkan daripada akaun baitulmal-Am	176,116	119,349
Sewaan	621,580	566,730
Wakaf dan nazar	268,050	223,600

	2006	2005
	RM	RM
Sewa petak letak kereta	4,620	2,800
Pemberian kerajaan negeri	1,000,000	1,500,000
Baitulmal	283,143	115,314
Bahagian Amil-MUIP	—	—
Keuntungan akaun pelaburan	2,147,704	2,376,125
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu selepas ditolak cukai dan belanja pelunasan	96,603	56,542
Pelbagai pendapatan	6,229,933	138,820
Dividen	2,429,271	2,602,516
Perolehan	5,330,657	2,063,285
	<u>37,144,573</u>	<u>22,483,574</u>
PERBELANJAAN		
Bekalan dan bahan-bahan	107,108	98,148
Perhubungan dan utiliti	222,075	148,636
Emolumen	5,111,927	2,220,544
Perjalanan dan sara hidup	204,036	242,728
Derma	6,000	6,000
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	622,901	464,151
Faedah sewa beli	13,505	10,970
Pelbagai belanja	273,462	46,956
Cukai (cukai pintu, tanah, duti stem dll)	114,304	125,818
Penyelenggaraan dan pembaikan	140,700	313,797
Perkhidmatan akaun dan audit	23,826	23,950
Sewa pejabat	78,000	64,480
Susutnilai harta tetap	534,909	411,232
Hutang raga	—	55,840
Takaful wang	11,171	14,502
Hapuskira bahagian keuntungan kumpulan	372,643	763,184
	<u>7,836,569</u>	<u>4,247,752</u>
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN	29,308,004	18,235,822
Cukai	(81,910)	(467)
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN SELEPAS CUKAI BAGI TAHUN	29,226,094	18,235,355

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi akaun ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Keuntungan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM
1 Januari 2005		
Dinyatakan terdahulu	121,700,558	121,700,558
Pelarasan tahun terdahulu	(719)	(719)
	<u>121,699,839</u>	<u>121,699,839</u>
Dinyatakan semula	121,699,839	121,699,839
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	18,235,355	18,235,355
	<u>139,935,194</u>	<u>139,935,194</u>
31 Disember 2005	139,935,194	139,935,194

	Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
1 Januari 2006		
Dinyatakan terdahulu	139,935,194	139,935,194
Pelarasan tahun terdahulu	501	501
	<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula	139,935,695	139,935,695
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	29,226,094	29,226,094
	<hr/>	<hr/>
31 Disember 2006	169,161,789	169,161,789
	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbalan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI KENDALIAN		
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	29,226,104	18,235,822
Pelarasan bagi:		
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu selepas ditolak cukai dan belanja pelunasan	(96,603)	(56,542)
Susutnilai	534,911	411,232
Kerugian pelupusan aset tetap	19,006	(11,715)
Pelarasan hapuskira bahagian keuntungan kumpulan	372,643	—
Pelarasan hapuskira hutang ragu	—	—
Pelarasan tahun lepas	—	—
Pelunasan perbelanjaan penubuhan	—	—
	<hr/>	<hr/>
Kelebihan perbelanjaan ke atas pendapatan sebelum perubahan modal kerja	30,056,061	18,578,797
(Tambahan)/Kurangan dalam penghutang, pendahuluan dan deposit	(3,272,795)	(1,006,629)
Tambahan/(Kurangan) dalam pemiutang dan deposit	604,445	858,470
	<hr/>	<hr/>
Tunai dari aktiviti-aktiviti kendalian	27,387,701	18,430,638
Cukai dibayar	(90,878)	(1,186)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dari aktiviti-aktiviti kendalian	27,296,823	18,429,452
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian pelaburan	(12,663,118)	(19,774,501)
Pembelian aset tetap	(7,522,425)	(8,365,328)
Perolehan daripada pelupusan aset tetap	472	18,999
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(20,185,071)	(28,120,830)
	<hr/>	<hr/>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Pembiayaan sewa beli	(226,290)	—
Pembayaran balik pemiutang sewabeli	(105,577)	(44,762)
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(331,867)	(44,762)
	<hr/>	<hr/>

	2006	2005
	RM	RM
KURANGAN BERSIH DALAM TUNAI & KESETARAAN TUNAI	6,779,885	(9,736,140)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	10,502,360	19,571,495
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	17,282,245	9,835,355
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki di bank	15,261,379	8,705,627
Simpanan tetap	2,020,866	1,129,728
	17,282,245	9,835,355

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

	2006	2005
	RM	RM
ASET SEMASA		
Wang Tunai dan baki di bank (Nota 3)	15,041,696	8,563,259
Simpanan tetap (Nota 5)	1,070,577	1,070,577
Akaun pelaburan (Al-Mudharabah) (Nota 6)	47,731,340	45,001,746
Pelaburan portfolio (Nota 7)	3,172,480	3,100,081
Pelbagai penghutang, pendahuluan dan deposit (Nota 8)	5,713,681	2,604,692
Jumlah terhutang oleh subsidiari (Nota 9)	338,288	166,288
	73,068,062	60,506,643
TANGGUNGAN SEMASA		
Pelbagai pemiutang dan deposit (Nota 10)	5,173,073	4,927,878
Jumlah terhutang kepada subsidiari (Nota 12)	3,500,000	—
Sumbangan kerajaan persekutuan (Nota 18)	7,126,337	7,126,337
	15,799,410	12,054,215
ASET BERSIH SEMASA	57,268,652	48,452,428
PELABURAN (Nota 11)	63,377,321	54,012,870
PELABURAN SYARIKAT BERSEKUTU (Nota 13)	10,728,333	11,974,914
PELABURAN SYARIKAT SUBSIDIARI (Nota 14)	5,358,131	781,456
ASET TETAP (Nota 15)	31,912,450	25,018,117
	168,644,887	140,239,785
DIBIAYAI OLEH		
DANA TERKUMPUL (Nota 19)	168,644,887	140,239,785

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbalan ini.

KUMPULAN WANG KHAIRAT AM

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006	2005
	RM	RM
PENDAPATAN		
Dipindahkan daripada akaun zakat dan fitrah	18,451,524	12,797,338
Dipindahkan daripada akaun amanah	30,233	(188,142)
Dipindahkan daripada akaun tabung amanah saham wakaf Pahang	75,139	109,297
Dipindahkan daripada akaun baitulmal-Am	176,116	119,349
Sewaan	621,580	566,730
Wakaf dan nazar	268,050	223,600
Sewa petak letak kereta	4,620	2,800
Pemberian kerajaan negeri	1,000,000	1,500,000
Baitulmal	283,14	115,314
Bahagian Amil-MUIP	—	—
Keuntungan akaun pelaburan	2,147,704	2,376,125
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu selepas ditolak cukai dan belanja pelunasan	96,603	56,542
Pelbagai pendapatan	6,094,373	126,162
Dividen	2,429,271	2,602,516
	<u>31,678,356</u>	<u>20,407,631</u>
PERBELANJAAN		
Bekalan dan bahan-bahan	88,049	69,644
Perhubungan dan utiliti	109,403	54,755
Emolumen dan upahan	1,229,571	1,040,321
Perjalanan dan sara hidup	113,131	154,039
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	320,423	174,528
Pelbagai belanja	170,783	45,905
Cukai (cukai pintu, tanah, duti setem dll)	114,304	125,818
Penyelenggaraan dan pembaikan	58,408	143,361
Perkhidmatan akaun dan audit	12,000	14,000
Susutnilai harta tetap	293,998	295,331
Hutang ragu	—	55,840
Hapuskira bahagian keuntungan kumpulan	763,184	—
	<u>3,273,254</u>	<u>2,173,542</u>
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan	28,405,102	18,234,089
Cukai	—	—
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN	<u>28,405,102</u>	<u>18,234,089</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi lembaran imbalan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	Keuntungan Terkumpul	Jumlah
	RM	RM
1 Januari 2005		
Dinyatakan terdahulu	122,005,696	122,005,696
Pelarasan tahun terdahulu	—	—

	Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Dinyatakan semula	122,005,696	122,005,696
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	18,234,089	18,234,089
31 Disember 2005	140,239,785	140,239,785
1 Januari 2006		
Dinyatakan terdahulu	140,239,785	140,239,785
Pelarasan tahun terdahulu	—	—
Dinyatakan semula	140,239,785	140,239,785
Kelebihan pendapatan ke atas perbelanjaan bagi tahun	28,405,102	28,405,102
31 Disember 2006	168,644,887	168,644,887

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

AKAUN ZAKAT DAN FITRAH

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
PENDAPATAN		
Zakat Fitrah	4,065,842	4,040,640
Zakat Emas	249,156	183,891
Zakat Perniagaan	14,584,137	7,062,700
Zakat Tanaman	53,460	46,549
Zakat Ternakan	90,893	67,765
Zakat Wang	18,754,810	14,937,432
Pelbagai pendapatan	239,771	154,652
	38,038,069	26,493,629
TOLAK:PERBELANJAAN		
Amil Zakat Harta/Amil Zakat Fitrah	2,803,353	2,429,233
Fakir	3,528,996	1,808,538
Miskin	2,642,632	1,926,438
Muallaf	1,486,897	1,049,741
Ibnu Sabil	262,217	181,139
Gharimin	2,000	—
Riab	—	—
Fisabilillah	8,860,450	6,301,202
	19,586,545	13,696,291
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN DIHANTAR KE AKAUN KUMPULAN WANG KHAIRAT AM	18,451,524	12,797,338

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

AKAUN AMANAH

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006	2005
	RM	RM
PENDAPATAN		
Pembiayaan JPM (BAHEIS)	183,000	27,951
Keuntungan akaun simpanan semasa	—	4,160
Pelbagai pendapatan	49,446	—
	<u>232,446</u>	<u>32,111</u>
TOLAK: PERBELANJAAN		
Gaji dan upahan	160,343	179,682
Perjalanan dan pengangkutan	41,747	40,571
Caj Bank	123	—
	<u>202,213</u>	<u>220,253</u>
KELEBIHAN PENDAPATAN/(PERBELANJAAN) KE ATAS (PERBELANJAAN)/PENDAPATAN BAGI TAHUN DIHANTAR KE AKAUN KUMPULAN WANG KHAIRAT AM	<u>30,233</u>	<u>(188,142)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

AKAUN TABUNG AMANAH SAHAM WAKAF PAHANG

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006	2005
	RM	RM
PENDAPATAN		
Jualan dari unit Saham Wakaf	82,796	131,725
Keuntungan akaun simpanan semasa	1,088	2,183
Sumbangan dari Kerajaan Negeri	—	—
Keuntungan akaun pelaburan AI-Mudharabah	20,455	(611)
	<u>104,339</u>	<u>133,297</u>
TOLAK: PERBELANJAAN		
Caj bank	—	—
Bantuan wakaf	29,200	24,000
	<u>29,200</u>	<u>24,000</u>
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN DIHANTAR KE AKAUN KUMPULAN WANG KHAIRAT AM	<u>75,139</u>	<u>109,297</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

AKAUN BAITULMAL (AM)

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006	2005
	RM	RM
PENDAPATAN		
Faedah Bank–Baitulmal	14,932	21,101
Faedah Bank–Zakat	152,808	97,671
Faedah Bank–Amanah	4,617	3,122
Faedah Bank–Baitumal (am)	8,909	7,924
Pelbagai pendapatan	300	781
	<u>181,576</u>	<u>130,599</u>
TOLAK: PERBELANJAAN		
Sumbangan	5,450	11,250
	<u>5,450</u>	<u>11,250</u>
KELEBIHAN PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN BAGI TAHUN DIHANTAR KE AKAUN KUMPULAN WANG KHAIRAT AM	<u>176,126</u>	<u>119,349</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

NOTA BERKENAAN KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Majlis adalah menjalankan urusan zakat, baitulmal, pelaburan dan lain-lain kegiatan yang berkaitan dengan Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

Kegiatan utama subsidiari adalah sebagai agen (amil) untuk mengutip zakat harta bagi Negeri Pahang Darul Makmur (PKZ) dan klinik perubatan pesakit luar di Kuantan, Pahang (Klink Al-Amin & PRK).

Tidak ada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan ini di sepanjang tahun.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

(b) Asas Penyatuan

Akaun-akaun disatukan termasuk Majlis dan subsidiarinya disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Hasil subsidiari yang telah diperolehi dalam tahun ini telah diambil kira dalam akaun untung-rugi disatukan dari tarikh perolehan. Urusniaga di antara Majlis dan subsidiari telah dihapuskan semasa penyatuan dan akaun-akaun disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja.

(c) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan jangka panjang di antara 20 hingga 50 peratus dan mempunyai pengaruh utama melalui perwakilan pengurusan dianggap sebagai syarikat bersekutu.

(d) Aset tetap dan susutnilai

Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas, bangunan dalam pembinaan dan tanah pegang pajak jangka panjang belum terima geran tidak disusutnilaikan. Tanah pegang pajak disusutnilaikan di sepanjang jangkamasa pajakan. Bagi kesemua aset tetap yang lain, susutnilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap aset tetap di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah:

Bangunan	2 atau 10%
Alat-alat dan perkakas	10 atau 20%
Alat kelengkapan pejabat dan perabot	10%
Kenderaan dan kelengkapan	20%
Alat-alat perabot hotel dan 'coffee house'	10%
Komputer dan perisian	20%
Ubahsuai	10%

(e) Pengiktirafan pendapatan

Selain daripada sewa, keuntungan akaun pelaburan dan sumbangan kerajaan negeri yang diambilkira secara "akruan", lain-lain pendapatan diambilkira dalam akaun apabila wang diterima.

(f) Pelaburan

- (i) Pelaburan di dalam syer tidak tersiarharga dinyatakan pada harga kos selepas peruntukan rosotnilai kekal.
- (ii) Pelaburan portfolio dinyatakan pada harga terendah di antara harga pasaran dan kos.

3. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Panjar Wang Runcit	3,200	3,200	3,200	3,200
Bumiputra-Commerce Bank Bhd., Pekan:				
Akaun Baitulmal	2,684,563	1,342,821	2,684,563	1,342,821
Akaun Zakat	10,677,297	5,411,808	10,677,297	5,411,808
Akaun Amanah	315,463	633,811	315,463	633,811
Akaun Baitulmal (Am)	956,443	843,827	956,443	843,827
Bank Islam Malaysia Bhd., Kuantan				
Bank Simpanan Nasional Bhd., Kuantan				
Tabung Amanah Saham Wakaf Pahang	404,730	327,792	404,730	327,792
Akaun bank	219,683	142,368	—	—
	<u>15,261,379</u>	<u>8,705,627</u>	<u>15,041,696</u>	<u>8,563,259</u>

4. STOK

Stok merupakan ubat-ubatan di Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. dan Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.

5. SIMPANAN TETAP

	Kumpulan		Majlis	
	2006 RM	2005 RM	2006 RM	2005 RM
Bank berlesen:				
Mayban Finance Berhad, Kuantan	1,070,577	1,070,577	1,070,577	1,070,577
Deposit tetap	61,182	59,151	—	—
	<u>1,131,759</u>	<u>1,129,728</u>	<u>1,070,577</u>	<u>1,070,577</u>

6. AKAUN PELABURAN

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Jerantut	7,224,439	7,139,899	7,224,439	7,139,899
Bank Islam Malaysia Bhd., Kuantan	541,090	6,267,699	541,090	6,267,699
Bank Islam Malaysia Bhd., Pekan	3,000,000	5,000,000	3,000,000	5,000,000
Bank Islam Malaysia Bhd., Muadzam Shah	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Kuantan	10,930,478	10,645,661	10,930,478	10,645,661
Bank Muamalat Malaysia Bhd., Kuantan	758,275	758,275	758,275	758,275
Bank Muamalat Malaysia Bhd., Mentakab	750,000	750,000	750,000	750,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Temerloh	2,100,000	2,100,000	2,100,000	2,100,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Jengka	7,000,000	2,000,000	7,000,000	2,000,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd., Pekan	12,145,387	7,074,687	12,145,387	7,074,687
Bank Simpanan Nasional Bhd., Kuantan	59,446	57,700	59,446	57,700
Bank Simpanan Nasional Bhd., Pekan	522,225	507,825	522,225	507,825
Bank Islam Malaysia Bhd., Kuantan-Tabung Amanah Saham Wakaf	200,000	200,000	200,000	200,000
Bank Kerjasama Rakyat Kuantan-Tabung Amanah Saham Wakaf	500,000	500,000	500,000	500,000
	<u>47,731,340</u>	<u>45,001,746</u>	<u>47,731,340</u>	<u>45,001,746</u>

7. PELABURAN PORTFOLIO

Affin Fund Management Sdn. Bhd.				
Syer tersiarharga	2,863,484	2,672,388	2,863,484	2,672,388
Tunai di Bank	378,245	352,512	378,245	352,512
Terhutang oleh broker saham	—	75,181	—	75,181
Piutang oleh broker saham	(69,249)	—	(69,249)	—
	<u>3,172,480</u>	<u>3,100,081</u>	<u>3,172,480</u>	<u>3,100,081</u>

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Jumlah pelaburan portfolio	3,172,480	3,100,081	3,172,480	3,100,081
Nilai pasaran pelaburan	3,694,730	2,808,446	3,694,730	2,808,446

Tiada peruntukan rosotnilai pelaburan portfolio dibuat kerana Majlis Ugama Islam berpendapat bahawa ia adalah merupakan rosotnilai sementara. Jumlah rosotnilai yang seharusnya diperuntukkan adalah RM308,996.

8. PELBAGAI PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Keuntungan akaun pelaburan Terakru	15,162	411,759	15,162	411,759
Pelbagai deposit (tanpa faedah)	—	—	—	—
Pelbagai deposit api, air Dan "radio pager"	62,181	25,886	3,735	3,705
Pelbagai penghutang	5,383,253	121,915	4,981,919	95,574
Penghutang cukai pintu	9,900	9,900	9,900	9,900
Penghutang Kerajaan Negeri	—	1,500,000	—	1,500,000
Penghutang pinjaman kenderaan	3,718	9	3,718	9
Penghutang pinjaman komputer	7,995	13,542	7,995	13,542
Penghutang pinjaman perumahan	179,927	193,753	179,927	193,753
Penghutang sewa kedai	553,545	420,070	553,545	420,070
Penghutang sewa tapak letak kereta	7,620	6,220	7,620	6,220
Deposit akaun semasa	6,000	6,000	6,000	6,000
Peruntukan hutang ragu	6,229,301 (55,840)	2,709,054 (55,840)	5,769,521 (55,840)	2,660,532 (55,840)
	6,173,461	2,653,214	5,713,681	2,604,692

9. JUMLAH TERHUTANG OLEH SUBSIDIARI

Jumlah terhutang oleh subsidiari tidak dikenakan faedah, tidak bercagar dan tidak mempunyai tempoh bayaran balik yang tertentu.

10. PELBAGAI PEMIUTANG DAN DEPOSIT

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Pemiutang sewa kedai	12,930	3,550	12,930	3,550
Pelbagai deposit (pertaruhan nafkah)	19,550	1,340	1,540	1,340

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Pelbagai pemiutang	5,701,172	4,916,747	4,959,793	4,733,808
Deposit sewa kedai	162,155	142,055	162,155	142,055
Deposit bangunan hotel dan "coffee house"	15,500	15,500	15,500	15,500
Deposit sewa atas bangunan Hotel	2,800	2,800	2,800	2,800
Deposit sewa rumah Kg. Parit Pekan	560	560	560	560
Peruntukan bayaran perakaunan				
Peruntukan ganjaran juruaudit	17,795	28,265	17,795	28,265
	<u>5,932,462</u>	<u>5,110,817</u>	<u>5,173,073</u>	<u>4,927,878</u>

11. PELABURAN

	Kumpulan dan Majlis	
	2006	2005
	RM	RM
Bon Islam	39,858,870	39,858,870
Pelaburan syer tersiarharga, pada kos	12,618,451	8,754,001
Pelaburan syer tidak tersiarharga, pada kos	10,900,000	5,400,000
	<u>63,377,321</u>	<u>54,012,871</u>
Nilai pasaran pelaburan syer tersiarharga	<u>64,292,997</u>	<u>55,192,997</u>

Pelaburan Bon Islam, saham Syarikat Far East Holdings Berhad, saham BIMB Holdings Berhad dan saham Syarikat Takaful Malaysia Berhad diuruskan oleh pengurus dana Affin Fund Management Sdn. Bhd.

12. JUMLAH TERHUTANG KEPADA SUBSIDIARI

Jumlah terhutang kepada subsidiari tidak dikenakan faedah dan merupakan hutang pembelian saham subsidiari iaitu Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.

13. PELABURAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	Penyertaan ekuiti	Kumpulan dan Majlis	
		2006	2005
		RM	RM
Kg. Aur Oil Palm Co. Sdn. Bhd., Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.	17%	10,728,333 —	10,728,333 580,000
		<u>10,728,333</u>	<u>11,308,333</u>
Tambah: Pembahagian keuntungan kumpulan			666,581
		<u>10,728,333</u>	<u>11,974,941</u>

14. PELABURAN SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat subsidiari adalah:

2005

Nama Syarikat	Tempat ditubuhkan	Modal berbayar (RM)	Kos Pelaburan (RM)	Kegiatan Utama	Pegangan 2005 %
Pusat Kutipan Zakat Sdn. Bhd.	Malaysia	200,002	494,004	Mengutip Zakat Harta	100
Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.	Malaysia	287,452	287,452	Klinik pesakit luar	100
		<u>487,454</u>	<u>781,456</u>		

2006

Pusat Kutipan Zakat Sdn. Bhd.	Malaysia	200,002	494,004	Mengutip Zakat Harta	100
Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.	Malaysia	287,452	287,452	Klinik pesakit Luar	100
Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd.	Malaysia	2,395,015	4,576,675	Klinik pesakit luar/ bersalin	79
		<u>2,882,469</u>	<u>5,358,131</u>		

15. ASET TETAP

Kumpulan	Kos RM	Susutnilai terkumpul RM	Nilai buku bersih RM	Pelupusan/ pelarasan RM	Susutnilai semasa RM
----------	--------	-------------------------	----------------------	-------------------------	----------------------

2006

Tanah milik bebas	440,612		440,612		
Tanah pegang pajak jangka panjang	2,663,949	195,149	2,468,800		5,854
Bangunan	17,535,536	2,320,660	15,214,876		238,120
Bangunan dalam pembinaan	14,952,197		14,952,197		
Alat-alat dan perkakas	2,460,300	1,742,461	717,839	177,129	201,297
Kenderaan dan kelengkapan	658,641	525,415	133,226	188,938	72,435
Ubahsuai	466,846	329,081	137,765		17,205
	<u>39,178,081</u>	<u>5,112,766</u>	<u>34,065,315</u>	<u>366,067</u>	<u>534,911</u>

2005

Tanah milik bebas	440,612	—	440,612	—	—
Tanah pegang pajak jangka panjang	1,479,098	48,693	1,430,405	—	5,853

Kumpulan	Kos	Susutnilai terkumpul	Nilai buku bersih	Pelupusan/ pelarasan	Susutnilai semasa
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	13,051,485	2,074,531	10,976,954	—	209,117
Bangunan dalam pembinaan	12,041,675	—	12,041,675	—	—
Alat-alat dan perkakas	1,022,440	714,555	307,885	10,708	90,138
Kenderaan dan kelengkapan	619,176	429,663	189,513	92,246	100,824
Ubahsuai	77,573	21,927	55,646	46,493	5,300
	<u>28,732,059</u>	<u>3,289,369</u>	<u>25,442,690</u>	<u>149,447</u>	<u>411,232</u>

Majlis

2006

Tanah milik bebas	440,612	—	440,612	—	—
Tanah pegang pajak jangka panjang	1,479,098	54,547	1,424,551	—	5,854
Bangunan	17,057,579	262,764	14,794,815	—	204,863
Bangunan dalam pembinaan	14,952,197	—	14,952,197	—	—
Alat-alat dan perkakas	576,508	394,193	182,315	144,852	40,614
Kenderaan dan kelengkapan	289,593	219,521	70,072	—	34,909
Ubahsuai	77,573	29,685	47,888	—	7,758
	<u>34,873,160</u>	<u>2,960,710</u>	<u>31,912,455</u>	<u>144,852</u>	<u>293,998</u>

2005

Tanah milik bebas	440,612	—	440,612	—	—
Tanah pegang pajak jangka panjang	1,479,098	48,693	1,430,405	—	5,853
Bangunan	12,838,808	2,057,900	10,780,908	—	204,863
Bangunan dalam pembinaan	12,041,675	—	12,041,675	—	—
Alat-alat dan perkakas	651,227	487,338	163,889	—	44,406
Kenderaan dan kelengkapan	289,593	184,611	104,982	30,246	34,909
Ubahsuai	77,573	21,927	55,646	—	5,300
	<u>27,818,586</u>	<u>2,800,469</u>	<u>25,018,117</u>	<u>30,246</u>	<u>295,331</u>

16. PEMIUTANG SEWABELI

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Pemiutang sewabeli	—	78,948	—	—
Pembayaran yang harus dibuat dalam jangkamasa 12 bulan (dimasukkan di bawah liabiliti semasa)	—	(44,762)	—	—
	<u>—</u>	<u>34,186</u>	<u>—</u>	<u>—</u>

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
17. PINJAMAN BERJANGKA				
Baki pada 1 Januari	429,274	—	—	—
Pelunasan pada tahun semasa	(90,150)	—	—	—
Baki pada 31 Disember	339,124	—	—	—

Pinjaman berjangka merupakan pinjaman oleh syarikat subsidiari Pusat Rawatan Keluarga MUIP Sdn. Bhd. daripada institusi kewangan berlesen di Malaysia dengan kadar faedah 6.5% sehingga 7.7%.

18. SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari	7,126,337	5,873,937	7,126,337	5,873,937
Tambahan pada tahun semasa		1,252,400		1,252,400
Baki pada 31 Disember	7,126,337	7,126,337	7,126,337	7,126,337

Sumbangan kerajaan persekutuan yang diterima untuk pembinaan bangunan pejabat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

19. DANA TERKUMPUL

	Kumpulan		Majlis	
	2006	2005	2006	2005
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari	139,935,194	121,700,558	140,239,785	122,005,696
Lebih pendapatan ke atas perbelanjaan	29,226,094	18,235,355	28,405,102	18,234,089
Pelaras tahun lepas	501	(719)		
Baki pada 31 Disember	169,161,789	139,935,194	168,644,887	140,239,785

Pelaras tahun lepas merupakan:

	2006	
	Kumpulan RM	Majlis RM
(a) Peruntukan percukaian	501	—
	501	—

20. ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan telah dikelaskan semula supaya menurut persembahan tahun semasa.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

No. 873.

MAJLIS DAERAH MARAN
MARAN DISTRICT COUNCIL

AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2006
ACCOUNT FOR THE FINANCIAL YEAR 2006

Akaun yang telah diaudit ini bagi tahun kewangan 2006, bersama-sama dengan pandangan juruaudit atasnya, adalah disiarkan menurut subseksyen 60(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*].

Bertarikh 29 April 2009
[SUK. Phg./KT. 003/3.22 Jld. 4]

DATO' HAJAH MARIAM BINTI ISMAIL
Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

This audited account for the financial year 2006, together with the auditor's observation thereon, is published pursuant to subsection 60(4) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*].

Dated 29 April 2009
[SUK. Phg./KT. 003/3.22 Jld. 4]

DATO' HAJAH MARIAM BINTI ISMAIL
President
Maran District Council

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH MARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Penyata kewangan Majlis Daerah Maran bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit, 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 2.1 hingga 2.6 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, penyata kewangan ini

memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Maran pada 31 Disember 2006, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

KUANTAN
Bertarikh 23 Februari 2009

MOHD MARZUNI BIN MUHAMAD
*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH MARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Harta Tetap-Kenderaan

Baki akhir akaun kenderaan tidak dapat disahkan kerana terdapat pembelian dan sumbangan kenderaan semenjak tahun 2001 hingga 2004 sejumlah RM287,425 tidak diambil kira dalam Penyata Kewangan.

2.2 Penghutang-Penghutang Sewaan

Baki akhir akaun penghutang sewaan dan akaun hasil sewa berjumlah RM243,307.23 dan RM530,650.00 masing-masing tidak dapat disahkan kerana Majlis tidak merekodkan hasil pelbagai sewaan dalam Penyata Kewangan.

2.3 Wang Tunai Di Tangan Dan Di Bank

Terdapat perbezaan yang tidak dapat disahkan di antara baki akhir buku tunai dan baki yang ditunjukkan di penyata penyesuaian bank berjumlah RM227,514.90.

2.4 Pemiutang-Perbelanjaan Terakru

Baki akhir akaun pemiutang perbelanjaan terakru sejumlah RM641,613 tidak dapat disahkan. Ini disebabkan terdapat amaun pelarasan sejumlah RM1,341,298.43 tidak dapat dikenal pasti.

2.5 Bantuan Kerajaan Tertunda Direalisasi

Baki akaun bantuan kerajaan tertunda tidak dapat disahkan kerana terdapat perbezaan sejumlah RM19,000.00 antara akaun bantuan kerajaan tertunda direalisasi di Penyata Kewangan dengan senarai yang dikemukakan oleh pihak Majlis. Akaun bantuan kerajaan tertunda direalisasi di Penyata Kewangan berjumlah RM782,051.00 manakala baki disenarai berjumlah RM763,050.80.

2.6 Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti berjumlah RM210,493 seperti ditunjukkan di Penyata Kewangan tidak dapat disahkan. Ini disebabkan wujud perbezaan sejumlah RM1,339,108.43 dengan senarai yang dikemukakan pihak Majlis.

MAJLIS DAERAH MARAN

PENYATA YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

“Kami Datin Hajjah Mariam binti Ismail dan Ahmad Sabrey bin Idris yang merupakan Yang Dipertua dan salah seorang Ahli Majlis, Majlis Daerah Maran, dengan ini menyatakan bahawa pada pandangan Ahli Majlis, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan adalah disediakan untuk menunjukkan keadaan yang sebenar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Maran pada 31 Disember 2006 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

DATIN HAJJAH MARIAM BINTI ISMAIL
Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran

Bertarikh 22 Oktober 2008

Bagi pihak Majlis,

AHMAD SABREY BIN IDRIS
Ahli Majlis
Majlis Daerah Maran

Bertarikh 22 Oktober 2008

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH MARAN

“Saya Mohd Ali b. Mohd Amin, Pegawai Tadbir, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Maran dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa, Lembaran Imbangan, Akuan Pendapatan dan Perbelanjaan, Penyata Aliran Tunai yang berikut bersama-sama dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan telah mengambil kira segala tanggungan dan hasil yang sepatutnya dikutip bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya benar menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh penama di atas
Di Maran, Pahang
Pada 22 Oktober 2008

Di hadapan saya,

SAIFUDDIN BIN MOHD TAIB
Pesuruhjaya Sumpah
Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Daerah
Maran

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
ASET TETAP (Nota 2)	15,119, 300	14,154,037
ASET SEMASA		
Penghutang (Nota 3)	1,932,417	1,782,215
Pelbagai Penghutang (Nota 4)	1,274,588	752,815
Simpanan Tetap Dan Pelaburan Al Mudharabah (Nota 5 dan 16)	66,437	66,437
Wang Tunai Di Tangan Dan Di Bank (Nota 16)	140,412	9,154
	<u>3,413,854</u>	<u>2,610,621</u>
LIABILITI SEMASA		
Pemiutang	704,093	1,394,278
Pertaruhan	187,181	157,729
	<u>891,274</u>	<u>1,552,007</u>
ASET SEMASA BERSIH	<u>2,522,580</u>	<u>1,058,614</u>
TOLAK: LIABILITI JANGKA PANJANG		
PINJAMAN KERAJAAN NEGERI (Nota 7)	199,416	199,416
	<u>199,416</u>	<u>199,416</u>
	<u>17,442,464</u>	<u>15,013,235</u>
DIBIAYAI OLEH		
KUMPULAN WANG MAJLIS	4,706,857	3,535,577
BANTUAN KERAJAAN TERTUNDA (Nota 8)	12,667,866	11,409,917
PENDAHULUAN KERAJAAN NEGERI (Nota 9)	67,741	67,741
	<u>17,442,464</u>	<u>15,013,235</u>

Nota-nota merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
PENDAPATAN		
Cukai taksiran am	1,313,899	1,053,824
Caruman bantu kadar (Nota 10)	139,101	395,847
Lesen dan permit	432,380	332,915
Terimaan bagi perkhidmatan	158,248	87,788
Perolehan dari jualan barang	30,280	23,126
Sewaan (Nota 11)	530,650	841,986
Faedah (Nota 12)	4,979	12,059
Denda dan hukuman	52,868	41,473
Pemberian kerajaan (Nota 13)	141,920	835,805

	2006	2005
	RM	RM
Geran keseimbangan (Nota 14)	1,466,393	847,413
Bantuan kerajaan tertunda direalisasikan (Nota 8)	782,051	854,556
Pelbagai pendapatan	60,096	21,835
	<u>5,112,865</u>	<u>5,348,627</u>
PERBELANJAAN		
Emolumen (Nota 15)	1,154,094	1,019,040
Perjalanan dan pengangkutan	63,150	10,520
Perhubungan dan utiliti	450,708	408,492
Sewaan	19,699	7,968
Bahan mentah dan bahan penyelenggaraan	213,639	114,283
Bekalan bahan mentah dan bahan lain	204,215	63,169
Penyelenggaraan dan pembaikan	169,879	128,821
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	210,493	1,819,047
Perbelanjaan pembangunan	—	624,340
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	—	5,000
Faedah atas pinjaman bank	—	14,925
Yuran audit	7,310	7,310
Yuran perakaunan	—	9,500
Susutnilai (Nota 2)	1,149,423	1,093,163
Pelbagai perbelanjaan	298,975	48,732
	<u>3,941,585</u>	<u>5,374,310</u>
Lebihan/(Kurangan) pendapatan dari perbelanjaan	1,171,280	(25,683)

Nota-nota merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

2006	Kumpulan Wang Majlis	Jumlah
	RM	RM
Baki pada 1-1-2006	3,535,577	3,535,577
Pelarasan tahun lepas	—	—
Baki yang dinyatakan semula	3,535,577	3,535,577
Lebihan pendapatan dari perbelanjaan	1,171,280	1,171,280
Baki pada 31-12-2006	<u>4,706,857</u>	<u>4,706,857</u>
2005		
Baki pada 1-1-2005	4,106,097	4,106,097
Pelarasan tahun lepas	(544,837)	(544,837)
Baki yang dinyatakan semula	3,561,260	3,561,260
Kurangan pendapatan dari perbelanjaan	(25,683)	(25,683)
Baki pada 31-12-2005	<u>3,535,577</u>	<u>3,535,577</u>

Nota-nota merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

	2006 RM	2005 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) pendapatan	1,171,280	(25,683)
Pelarasan bagi item-item yang tidak melibatkan aliran tunai:		
Susutnilai	1,149,423	1,093,163
Bantuan kerajaan tertunda direalisasi	(782,051)	(854,556)
Pelarasan tahun lepas (Nota 17)	—	(544,837)
	<u>1,538,652</u>	<u>(331,913)</u>
Perubahan dalam modal kerja:		
Penghutang	262,875	582,379
Pemiutang, terimaan terdahulu dan pertaruhan	50,271	(40,751)
Tunai bersih dari aktiviti operasi	<u>1,851,798</u>	<u>209,715</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Tambahan aset tetap	(2,114,685)	(989,940)
Kurangan/(Tambahan) kerja dalam kemajuan	—	26,819
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(2,114,685)</u>	<u>(963,121)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bantuan kerajaan tertunda	2,040,000	907,536
Pinjaman jangka panjang	—	(260,131)
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan	<u>2,040,000</u>	<u>647,405</u>
Tambahan/(Kurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(282,440)	(106,001)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	75,591	181,592
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun (Nota 16)	<u>206,849</u>	<u>75,591</u>

Nota-nota merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN—31 DISEMBER 2006

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Majlis ialah menyediakan kemudahan perniagaan, pembersihan kawasan, pengindahan, pembangunan dan kemudahan awam. Di samping itu juga, Majlis menjalankan kutipan cukai taksiran am, sewa, lesen dan permit. Perubahan penting tidak berlaku di dalam jenis kegiatan ini bagi tahun kewangan yang dilaporkan.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

(a) Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan.

(b) Aset tetap dan susutnilai

- (i) Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai.
- (ii) Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan.
- (iii) Bagi aset tetap yang lain, telah disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangkamasa penggunaan aset tersebut.
- (iv) Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah	—
Bangunan	2%
Kenderaan dan jentera	20%
Perabot dan kelengkapan pejabat	10%
Komputer	25%
Peralatan kerja	20%
Kemudahan awam	20%

(c) Pengiktirafan pendapatan

- (i) Pendapatan utama Majlis diambil kira berdasarkan asas akruan.
- (ii) Geran pelancaran dan bantuan kerajaan yang berkaitan dengan penambahan aset tetap Majlis telah ditunda dan direalisasikan dengan ansuran secara sama rata selama anggaran tempoh hayat kegunaan aset berkenaan.
- (iii) Lain-lain pendapatan iaitu pelbagai pendapatan dan termasuk juga pemberian kerajaan yang berkaitan dengan operasi telah diambilkira apabila diterima.

(d) Penghutang

Hutang lapuk yang diketahui dihapuskan dan peruntukan khas akan dibuat untuk sebarang jumlah yang meragukan.

(e) Perbelanjaan pembangunan

Secara umumnya, ini merupakan kos tanah, perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan untuk projek-projek infrastruktur yang telah dirancangan. Bagi perbelanjaan yang melibatkan tambahan aset tetap Majlis, ianya akan dipermodalkan manakala selain daripadanya akan diiktiraf sebagai perbelanjaan operasi.

(f) Penyata Aliran Tunai

Pihak Majlis menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan seumpamanya terdiri daripada wang di bank dan tunai ditangan termasuk overdraf bank (tidak bercagar)

(g) Faedah Kakitangan

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Majlis. Ketidakhadiran terimbu masa terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbu masa depan dan ketidakhadiran terimbu tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

Majlis membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman dibayar, pihak Majlis tiada obligasi bayaran lagi.

